

RM500,000 bantuan makanan untuk 6,236 pelajar UMS

DE 03.04.2020 8.3

Ottey Peter

KOTA KINABALU: Jabatan Ketua Menteri Sabah telah menyumbangkan RM500,000 bantuan makanan kepada 6,236 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang tinggal di asrama dan luar kampus semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Pendidikan dan Inovasi Negeri, Datuk Dr Yusof Yacob, yang mewakili Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, menyampaikan sumbangan tersebut kepada Naib Canselor UMS Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin dalam satu majlis yang diadakan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS di sini Khamis.

Perbadanan Pinjaman Sabah (SCC) juga telah menyumbangkan RM100,000 dalam Tabung Bantuan Khas Covid-19 UMS.

Dr Yusof berkata sebagai tambahan kepada bantuan di UMS, Kerajaan Negeri juga membantu pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Politeknik, Institut Pendidikan Guru dan kolej-kolej swasta di Sabah.

Beliau berkata Kerajaan Negeri telah menyalurkan kira-kira RM200,000 untuk membantu rakyat Sabah yang belajar di semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Beliau juga menasihati semua pelajar untuk bersabar dan mematuhi peraturan sehingga PKP berakhir.

"Kami akan cuba membantu semua pelajar yang masih berada di UMS tanpa mengira sama ada mereka dari Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia atau pelajar antarabangsa.

"Kementerian saya akan memantau



YUSOF (kiri) menyampaikan replika cek itu kepada Taufiq.

situasi ini dari semasa ke semasa dan ia merupakan komitmen kami. Kami akan melakukan yang terbaik untuk membantu semua pelajar ini," katanya.

Sementara itu, Dr Taufiq berkata hanya pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman UMS dan pelajar yang tinggal di luar kampus di sekitar Kota Kinabalu yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS berhak mendapatkan bantuan tersebut.

Beliau berkata sumbangan itu akan disalurkan dalam bentuk wang tunai dan akan dikreditkan kepada akaun pelajar.

"Ia termausk 3016 pelajar di Kampus

Kota Kinabalu, 1155 pelajar di Kampus Labuan, 223 pelajar di Kampus Sandakan dan 1842 pelajar NR.

"Kami berterima kasih terhadap sumbangan itu dan berharap kami boleh bekerjasama dalam pelbagai bidang pada masa hadapan terutamanya dengan SCC.

"Pihak pengurusan universiti akan memastikan kebajikan pelajar UMS dijaga dari semasa ke semasa sepanjang tempoh PKP," katanya.

Turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Safar Untong dan Pengerusi SCC Datuk John Khoo.